

Headline	Pastikan rumah selamat sebelum balik kampung		
MediaTitle	Kosmo Ahad	Language	Malay
Date	17 Oct 2021	Readership	500,322
Circulation	166,774	Page No	15
Section	Semasa	Journalist	N/A
ArticleSize	160 cm <sup>2</sup>		
PR Value	RM 12,456		



## Pastikan rumah selamat sebelum balik kampung

**PETALING JAYA** – Tenaga Nasional Berhad (TNB) menasihati orang ramai mengamalkan panduan keselamatan elektrik ketika pulang ke kampung atau bercuti.

TNB dalam satu kenyataan berkata, orang ramai diingatkan untuk mematikan dan menutup semua peralatan elektrik seperti peralatan pemanas air serta seterika.


“Lakukan pemeriksaan di luar rumah untuk mengelakkan perkara yang boleh menyebabkan kemalangan elektrik seperti beberapa wayar elektrik yang terdedah kepada kelembapan dan tumbuhan yang boleh

memutuskan talian elektrik berdekatan.

“Orang ramai juga dinasihatkan untuk mempertimbangkan penggunaan alat pengukur masa (timer) supaya lampu tidak dipasang 24 jam sehari,” katanya di sini semalam.

Katanya, penggunaan alat itu selain untuk menjimatkan penggunaan tenaga, ia juga boleh mengelakkan berlakunya kejadian yang tidak diingini.

Orang ramai boleh menghubungi TNB CareLine di talian 15454 atau Facebook TNB CareLine sekiranya terdapat gangguan elektrik di kawasan masing-masing.



**ORANG** ramai dinasihatkan supaya menutup suis utama sebelum pulang ke kampung.